



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 06 / 2022**

## **PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM DEWAN NEGERI JOHOR KE-15**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh **Hari Penamaan Calon** bagi Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Negeri Johor Ke-15 adalah pada **26 Februari 2022 (Sabtu)**.
  
2. Pada Hari Penamaan Calon, kertas penamaan calon boleh dikemukakan bermula dari **jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi** kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya di **56 Pusat Penamaan Calon (PPC)** yang berkenaan oleh pihak-pihak seperti berikut:
  - a. calon, pencadang dan penyokong; **atau**
  - b. mana-mana dua orang daripada mereka; **atau**
  - c. mana-mana seorang daripada mereka.
  
3. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyarankan kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRU Dewan Negeri Johor Ke-15, agar mengisi dan membuat semakan

awal pengisian borang tersebut dengan **Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor** sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah disarankan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal dan resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada Hari Penamaan Calon sebagai bukti bayaran. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.

4. Bagi calon yang mewakili mana-mana parti politik, adalah diingatkan bahawa surat kebenaran untuk menggunakan simbol parti yang diwakili hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan Kertas Penamaan Calon.
5. **Hanya calon, pencadang calon dan penyokong calon dibenarkan masuk ke PPC.** Penyokong-penyokong parti politik yang diwakili oleh bakal-bakal calon tidak dibenarkan sama sekali melakukan sebarang aktiviti berkumpul dan berarak di mana-mana tempat atau PPC sepanjang Hari Penamaan.
6. SPR berharap agar proses penamaan calon kelak berjalan lancar tanpa sebarang insiden tidak diingini, khususnya yang boleh mengganggu ketenteraman awam. SPR menyeru kepada semua calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, Polis Diraja Malaysia (PDRM),

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada Hari Penamaan Calon.

7. SPR juga ingin memaklumkan bahawa Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan COVID-19 bagi pelaksanaan PRU Dewan Negeri Johor Ke-15 telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada **18 Februari 2022 (Jumaat)** selaras dengan **Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021**.
8. SOP Khas Pilihan Raya ini akan **dilaksanakan dengan ketat di semua proses perjalanan pilihan raya** iaitu proses cetakan dan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan penjumlahan rasmi undi. Maklumat lanjut SOP berkenaan boleh diperolehi di portal **spr.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

24 Februari 2022 / 22 Rejab 1443H